

28 FEB 2001

Colombia-Malaysia

COLOMBIA MAHU CONTOHI INDUSTRI PERTANIAN MALAYSIA

Oleh: Harlina Samson

KUALA LUMPUR, 28 Feb (Bernama) -- Colombia, salah satu daripada ekonomi paling pesat muncul di Amerika Selatan, mahu mencontohi program industri pertanian Malaysia untuk mengembangkan industri kelapa sawitnya.

Duta Colombia ke Malaysia Arturo Infante Villarreal berkata, Malaysia mempunyai kepakaran yang luas dan pengetahuan mengenai industri kelapa sawit dan ini boleh membantu Colombia mengembangkan industri komoditinya.

Beliau berkata, Colombia juga mahu belajar mengenai rancangan pembangunan tanah luar bandar di Malaysia seperti yang dikendalikan oleh FELDA dan FELCRA yang membolehkan golongan miskin menikmati kemakmuran.

"Kami mahu melihat dari dekat rancangan pembangunan tanah oleh FELDA dan FELCRA, serta idea ladang-ladang kelapa sawit yang besar yang turut mengaitkan program sosial untuk membawa kemakmuran kepada penduduk miskin di luar bandar."

"Kita perlu melakukan sesuatu seperti itu di Colombia yang mempunyai tanah yang luas tetapi tidak digunakan dengan bijak daripada segi ekonomi dan sosial," kata beliau kepada BERNAMA dalam satu temu bual, di sini, hari ini, sempena lawatan negara empat hari Presiden Colombia, Andres Pastrana Arango ke Malaysia, bermula esok.

Pastrana akan diiringi oleh isterinya dan delegasi 60 orang termasuk Menteri Luar, Menteri Perdagangan Luar, Pertanian dan Pendidikan dan juga pegawai-pegawai kanan dan wakil-wakil sektor swasta.

Infante berkata Colombia juga mahu Malaysia menghantar misi teknikal untuk meninjau kesesuaian mewujudkan ladang-ladang kelapa sawit yang besar di negara itu.

"Kami mempunyai rancangan pembangunan dan menjangka dapat mengembangkan ke 800,000 hektar dalam 10 tahun akan datang. Untuk tujuan itu, kami boleh mendapat manfaat besar melalui kerjasama dengan Malaysia khususnya dalam bagaimana menanam kawasan yang luas dan dalam skala yang besar," katanya.

Mengenai lawatan Presiden itu, Infante berkata lawatan itu merupakan yang pertama oleh seorang Presiden Colombia untuk memperkukuhkan hubungan dan kerjasama dalam pelbagai bidang antara kedua-dua negara.

Beliau berkata beberapa topik spesifik akan dibincangkan oleh Pastrana dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad khususnya mengenai industri kelapa sawit, teknologi maklumat dan program usaha sama dalam industri minyak sawit dan petroleum.

Infante berkata Colombia juga berharap untuk mengadakan usaha sama dengan syarikat petroleum Malaysia, Petronas, bagi projek penerokaan minyak bersama syarikat petroleum kebangsaan Colombia, Ecopetrol.

Dalam bidang lain pelaburan dan perdagangan, beliau berkata Colombia mengharapkan bantuan dalam sektor teknologi maklumat dan pendidikan.

"Sehingga ini, hubungan antara universiti-universiti kita dengan di Malaysia sangat kurang. Kita perlu meninjau ini dengan mendalam kerana terdapat banyak kemungkinan dalam sektor ini," katanya.

Menyifatkan Malaysia sebagai contoh terbaik daripada segi industri nilai tambah secara besar-besaran, Infante berkata Malaysia berjaya mewujudkan sebuah industri nilai tambah yang cekap dan besar.

Beliau berkata, strategi Malaysia dalam menguruskan industri-industri telah membolehkan negara mengeksport lebih berbanding Colombia, yang jumlah eksportnya ialah AS\$13 bilion.

"Anda membawa masuk komponen dan mengusahakan komponen-komponen ini, memprosesnya dan menjualnya semula. Malaysia melakukannya dalam skala

besar.

"Ia menunjukkan strategi Malaysia daripada segi menguruskan industri-industrinya dan nampak menarik kerana industri kami juga akan dikembangkan, jadi kita perlu belajar daripada anda," katanya.

Infante berkata, satu perjanjian kerjasama akan ditandatangani antara Colombia dan Malaysia membolehkan kedua-dua negara berusaha dalam bidang-bidang spesifik dan berlainan.

Mengenai perdagangan dua hala antara Colombia dan Malaysia, beliau berkata jumlahnya kecil dan hanya sebanyak RM13 juta tahun lepas.

Colombia mengimport produk getah dan peralatan elektrik dari Malaysia dan mengeksport produk farmaseutikal, baja asas, bahan-bahan kimia dan gigi palsu.

-- BERNAMA

HS ES PR